

**A PILOT STUDY MOTIVATION CHARACTERISTICS OF LEARNING TARANUM
AL-QURAN AMONG YOUTH**

**KAJIAN RINTIS CIRI MOTIVASI PEMBELAJARAN TARANUM AL-QURAN DALAM
KALANGAN BELIA**

Muhammad Yusof Hakimi Mohd Kanafiahⁱ, Aminudin Hehsanⁱⁱ, Mohamad Khairul Latifⁱⁱⁱ &
Ishak Khairon^{iv}

- ⁱ (*Corresponding author*). Pelajar Ijazah Kedoktoran (PhD), Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). muhammadyusofhakimi@graduate.utm.my
ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). ahehsan@utm.my
ⁱⁱⁱ Pelajar PhD, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). khailatif444@gmail.com
^{iv} Pelajar PhD, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). ishak1975@graduate.utm.my

Abstract	<p><i>This article aims to discuss the motivational characteristics of taranum learning among young people skilled in al-Quran taranum which resulted from the data of a pilot study. The study was carried out in the state of Johor which involved interview methods with youth taranum masters and their taranum teachers. The results of this interview have been analyzed by using NVivo version 12 software to produce themes, sub-themes and matrix tables related to the motivational data of al-Quran taranum learning among youth who are proficient in taranum. The results of the study show that there are several important motivational criteria for taranum expansion which are divided into two parts, namely intrinsic motivational characteristics and extrinsic motivational characteristics. In the intrinsic motivation section, the characteristics that were successfully identified were talent, interest, feelings about the height of the Quran, always learning, adding knowledge, and liking to share. While in the division of extrinsic motivation, the resulting characteristics are examples and emulating, healthy competition, the inheritance of knowledge and support from family, teachers and friends. In the aspect of taranum learning, all these criteria form a characteristic model of taranum learning motivation among young people skilled in al-Quran taranum.</i></p> <p>Keywords: <i>Motivation, Characteristics, Youth, Taranum, Masters.</i></p>
Abstrak	<p><i>Artikel ini bertujuan membincangkan ciri motivasi pembelajaran taranum dalam kalangan belia mahir taranum al-Quran yang terhasil daripada data kajian rintis. Kajian dilaksanakan di negeri Johor yang melibatkan kaedah temu bual bersama belia mahir taranum dan guru taranum mereka. Hasil temu bual ini telah dianalisis dengan menggunakan perisian NVivo versi 12 untuk menghasilkan tema, subtema serta jadual matriks berkaitan data motivasi pembelajaran taranum al-Quran dalam kalangan belia mahir taranum. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa kriteria penting motivasi pembelaran taranum yang dibahagikan kepada dua</i></p>

	<p><i>bahagian iaitu ciri motivasi intrinsik dan ciri motivasi eksterinsik. Pada bahagian motivasi intrinsik, ciri yang berjaya dikenal pasti adalah bakat, minat, perasaan tentang ketinggian al-Quran, sentiasa belajar, menambah ilmu, dan suka berkongsi. Manakala pada pembahagian motivasi eksterinsik pula, ciri yang terhasil adalah contoh dan mencontohi, persaingan sihat, pewarisan ilmu serta sokongan keluarga, guru dan rakan. Dalam aspek pembelajaran taranum, kesemua kriteria ini membentuk model ciri motivasi pembelajaran taranum dalam kalangan belia mahir taranum al-Quran.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Motivasi, Ciri, Belia, Mahir, Taranum.</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan perkara yang sangat penting terutama dalam kalangan umat Islam di seluruh dunia kerana terkandung pelbagai ilmu yang meliputi seluruh aspek kehidupan manusia dan merupakan petunjuk kepada manusia seperti mana yang telah disebutkan dalam al-Quran (*Ali 'Imran*, 3: 138) yang membawa maksud bahawa al-Quran merupakan penerangan, petunjuk serta pengajaran kepada manusia. Terdapat beberapa perkara yang perlu ditekankan dalam pembacaan al-Quran antaranya adalah ilmu taranum. Selain daripada ilmu tajwid dan ilmu qiraat. Taranum al-Quran merupakan satu ilmu yang sangat penting dalam pembacaan al-Quran dimana sabda Rasulullah S.A.W (al-Bukhari, 2001: 7544) yang membawa maksud memperindahkan bacaan al-Quran dengan suara yang dianugerahkan Allah.

Berdasarkan Mohamad Salleh (2017), Taranum al-Quran bermaksud seni bacaan dengan berlagu bersama hukum tajwid dimana memerlukan kepada pemahaman dan penguasaan ayat al-Quran. Pada umumnya, taranum merupakan ilmu bacaan ayat al-Quran dengan seni lagu yang telah ditetapkan, iaitu taranum Bayyati, Soba, Hijjaz, Nahawand, Sikah, Rast dan Jiharkah seperti mana yang diambil dalam buku panduan KKQ berkaitan sukatan kandungan tingkatan satu hingga lima (Salleh et al., 2020). Namun begitu, kesedaran tentang perkara ini amatlah kurang terutama pada kalangan anak muda dan tidak mendapat sambutan. Motivasi merupakan proses untuk mencapai matlamat, ia juga mampu menjadikan individu berterusan dalam melakukan sesuatu perkara (Matsumoto, 2019). Ia juga merupakan penerangan kepada ketekunan seseorang dalam melakukan sesuatu (Mohamed et al., t.t).

Justeru, kajian ini akan membincangkan ciri motivasi pembelajaran taranum dalam kalangan belia mahir agar kalangan generasi muda terus menerus mengasah bakat yang dianugerahkan oleh Allah supaya tidak berlaku ketandusan bakat dalam ilmu taranum pada masa kini dan akan datang. Sebagai ingatan bahawa segala terjemahan ayat al-Quran dalam kertas kerja ini menggunakan terjemahan Abdullah Basmeih (Basmeih, 1999) iaitu tafsir al-Quran Pimpinan al-Rahman terbitan Jabatan Perdana Menteri.

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Aspek motivasi disebut oleh ramai sarjana berkaitan dengan kejayaan dan penglibatan seseorang individu dalam pembelajaran. Menurut Yusri (2010) dan Mok (2010), faktor utama yang menyebabkan penglibatan dalam pembelajaran adalah berdasarkan motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Teori yang membicarakan tentang motivasi dalam kalangan sarjana menyatakan faktor yang menjadikan seseorang untuk melaksanakan sesuatu adalah motivasi dan ia juga merupakan sesuatu yang menjadi kesungguhan serta berterusan dalam tindakan yang dilakukan. Motivasi intrinsik dan ekstrinsik ini mempunyai hubungan, menurut Jasmi (2009) guru berperanan dalam membina motivasi dalaman pelajar, iaitu memberi motivasi dengan matlamat serta cara yang terbaik dan selalu menanamkan sifat persaingan sihat antara mereka. Perkara yang mempunyai matlamat berperanan dalam menjadi panduan kepada tindakan pelajar (Brophy, 2013).

Motivasi intrinsik ini wujud daripada dalaman seseorang individu. Ia mendorong keterlibatan seseorang individu dalam pembelajaran yang disebabkan oleh kemahuan dalaman mereka sendiri (Yusri, 2010). Kemahuan dalaman diklasifikasikan sebagai minat, rasa ingin mendalami tentang sesuatu dan sentiasa belajar serta merasakan kepuasan dalam pembelajaran itu (Dorneye, 2001; Lynch, 2006). Motivasi intrinsik mendorong minat individu dalam tindakan tanpa mengharapkan sebarang ganjaran kerana ia terhasil dari dalam dirinya sendiri tanpa pengaruh luar. Hal ini terbentuk melalui proses pengalaman dan pembelajaran yang membawa kepada kepuasan diri (Tawi, 2019).

Motivasi ekstrinsik pula membawa maksud seseorang melakukan tindakan melalui faktor luaran, iaitu penggerak dari luar contohnya seperti guru menyuruh muridnya. Menurut Jasmi & Salleh (2013), bentuk motivasi ekstrinsik menjadi faktor kepada kecemerlangan pelajar mengikut kaedah pendekatan berpusatkan pelajar yang dilakukan oleh guru cemerlang. Motivasi ekstrinsik ini diperolehi kerana ganjaran atau pulangan dari luaran dimana seseorang akan memperoleh hasil seperti hadiah, markah yang tinggi serta hasil daripada persaingan yang sihat dengan kawan dan juga demi menghindarkan diri dari hukuman (Schunk et al., 2012; Lynch, 2006). Justeru, dapat kita fahami bahawa motivasi ekstrinsik adalah faktor yang penting dalam melahirkan pelajar yang cemerlang dan membawa kepada ketekalan dalam sesuatu tindakan.

Motivasi pembelajaran merupakan salah satu jenis motivasi latihan (Aziz, 2018). Motivasi pembelajaran merupakan tingkah laku dalam pembelajaran dari aspek kekuatan, ketekunan dan kesungguhan (Colquitt et al., 2000). Menurut Husseinali (2006), untuk mengekalkan minat pelajar dalam pembelajaran, antara perkara penting adalah dengan meneroka keperluan dan motivasi orientasi pelajar. Motivasi dalam pembelajaran sangat penting dalam menentukan kejayaan dimana satu kajian telah dilakukan oleh Chan & Nor (2012), yang mengatakan bahawa terdapat hubungan antara prestasi pelajar dengan motivasi.

Taranum al-Quran adalah perkara yang membahaskan tentang ilmu dalam mengalunkan seni bunyi mengikut irama yang telah ditentukan melalui proses nada dan rentak bagi mencantikkan seni bacaan al-Quran. Jenis lagu atau irama utama yang dialunkan ketika membaca ayat al-Quran adalah taranum Bayyati, Soba, Hijjaz, Nahawand, Sikah, Rast dan Jiharkah. Tujuh aliran taranum ini lebih popular dipanggil sebagai taranum aliran Misri (Ismail, 2012). Justeru, ciri motivasi dalam pembelajaran taranum amat diperlukan bagi membangkitkan semangat untuk mengekalkan proses pembelajaran.

METODOLOGI KAJIAN

Perbincangan metodologi adalah menerangkan perkara seperti pendekatan dan jenis kajian. Berdasarkan Gary (2009), reka bentuk kajian merupakan perkara yang dicadangkan bagi melakukan kajian dimana ia mengambil kira anggaran dan konteks pengkaji. Dalam mencapai objektif kajian seterusnya menjawab persoalan kajian rintis ini, pengkaji memilih kajian kes melalui pendekatan kualitatif. Cara atau teknik utama yang diguna pakai oleh pengkaji bagi mengumpul data adalah dengan cara temu bual separa berstruktur. Teknik ini disarankan oleh beberapa pengkaji sebagai Teknik utama (Palaniappan, 2009; Creswell, 2012).

Kajian rintis ini menggunakan tiga kaedah pengumpulan data, iaitu temu bual yang menjadi kaedah utama kajian ini. Seterusnya, kaedah pemerhatian kepada sampel kajian dan kaedah analisis dokumen untuk menyokong data temu bual. Pengkaji memilih seorang guru kepada qari dan seorang qari muda sebagai sampel kajian untuk ditemubual bagi mengetahui adakah terdapat keselarasan melalui jawapan peserta kepada soalan pengkaji dengan objektif yang dibina. Hasil dapatan temu bual akan ditranskripkan ke dalam bentuk teks dan akan di proses data tersebut untuk mendapatkan tema dapatan kajian dengan menggunakan bantuan perisian program Nvivo 12.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk melihat objektif berikut:

1. Untuk meneroka ciri motivasi Intrinsik qari muda.
2. Untuk mengetahui ciri motivasi ekstrinsik qari muda.

DAPATAN KAJIAN

Pengkaji telah memperoleh tema kajian serta mendapati bahawa ciri motivasi pembelajaran taranum dalam kalangan qari muda terbahagi kepada dua bahagian utama yang bertemakan intrinsik dan ekstrinsik. Dapatan kajian adalah seperti jadual-jadual berikut:

Pembahagian Motivasi

Jadual 1: Tema Motivasi Pembelajaran Taranum dalam Kalangan Qari Muda

Bil.	Tema	GQ, 2020	QM, 2020
1.	Intrinsik	3	14
2.	Ekstrinsik	5	2

Jadual 1 menunjukkan ciri motivasi pembelajaran taranum dalam kalangan qari muda boleh dibahagikan kepada dua tema utama, iaitu yang pertama adalah motivasi dari sudut intrinsik dan kedua adalah ekstrinsik.

1. Motivasi Intrinsik

Jadual 2: Elemen Motivasi Interinsik

Bil.	Tema	GQ, 2020	QM, 2020
1.	Bakat	0	1
2.	Minat	3	1
3.	Ketinggian al-Quran	0	2
4.	Sentiasa Belajar	0	2
5.	Tambah Ilmu Lain	0	3
6.	Suka Berkongsi	0	5
Jumlah		3	14

Berdasarkan jadual 2, dapatan menunjukkan bahawa tema motivasi intrinsik terbahagi kepada enam elemen. Elemen tersebut adalah bakat, minat, ketinggian al-Quran, sentiasa belajar, tambah ilmu lain dan suka berkongsi.

2. Motivasi Ekstrinsik

Jadual 3: Elemen Motivasi Ekstrinsik

Bil.	Tema	GQ, 2020	QM, 2020
1.	Contoh dan Mencontohi	1	2
2.	Persaingan Sihat	1	0
3.	Pewarisan Ilmu	1	0
4.	Sokongan Keluarga, Guru dan Rakan	2	0
Jumlah		5	2

Berdasarkan jadual 3, dapatan menunjukkan bahawa tema motivasi ekstrinsik terbahagi kepada empat elemen. Elemen tersebut adalah contoh dan mencontohi, persaingan sihat, pewarisan ilmu serta sokongan keluarga, guru dan rakan.

PERBINCANGAN KAJIAN

Dalam membincangkan elemen motivasi pembelajaran taranum dalam kalangan qari muda terdapat dua tema utama. Bahagian pertama adalah tema motivasi enterinsik dan bahagian kedua adalah tema motivasi ekstrinsik.

Bagi tema motivasi intrinsik terdapat enam elemen, iaitu yang pertama adalah bakat. Para qari menjadi termotivasi untuk mengalunkan taranum dalam bacaan ayat al-Quran kerana bakat dan kemahiran dalam diri yang juga merupakan anugerah Allah yang paling besar. Pernyataan ini diterangkan melalui kata-kata berikut *“Kalau saya nak kata menyanyi tu boleh tu bolehlah kan. Tapi bagi saya belajar al-quran tu lebih baiklah untuk kita salurkan kemahiran kita dari kita menyanyi”*. Pernyataan ini menunjukkan bakat dapat mengekalkan motivasi individu dalam sesuatu bidang. Menurut Kasim & Mansor (2007), motivasi dipengaruhi oleh bakat dan kebolehan dalam sesuatu kerja.

Elemen seterusnya adalah minat. Seorang qari haruslah mempunyai minat yang mendalam dalam pembelajaran taranum untuk menguasai teknik dan kaedah yang betul dalam menyampaikan alunan dalam pembacaan al-Quran sebagaimana kata-kata berikut *“Lepas tu persekitaran dia, pastu semangat dia. sebab mungkin minatlah sebab dia minat. dia boleh. dan dia rasa dia tak dipinggirkan”* dan *“Yang kedua dia minat, ada bakat tak ada minat susah juga. dia minat dia rajin nak belajar dia tahu dia ada kelebihan dan dia berminat untuk menambah ilmu tu”*. Dengan minat juga dapat menjadikan individu meneruskan apa yang diinginkan melalui pernyataan *“Sebenarnya bila saya belajar ni walaupun kita tak ada waktu yang cukup. cukup untuk belajar ke kelas. Tapi disebabkan minat saya juga. Saya mesti juga berlatih dan teruskan”*. Tiga pernyataan ini menunjukkan seseorang individu akan menjadi bersemangat dalam melakukan sesuatu jika mempunyai minat yang mendalam. Menurut Dörnyei (2001) & Lynch (2006) motivasi intrinsik adalah kemahuan dalaman seperti minat, rasa ingin mendalami tentang sesuatu dan sentiasa belajar serta merasakan kepuasan dalam pembelajaran itu. Minat merupakan satu faktor yang akan memberi kejayaan kepada seseorang dan minat juga akan menjadikan seseorang sanggup melakukan apa sahaja (Tawi, 2019). Dengan ini, dapat kita faham bahawa minat akan menjadikan individu sentiasa bermotivasi untuk melakukan sesuatu.

Al-Quran merupakan mukjizat yang diturunkan kepada nabi kita serta untuk dijadikan pedoman kepada umat manusia sepanjang zaman dalam apa jua urusan kehidupan. Itulah yang dikatakan ketinggian al-Quran dalam Islam sehinggakan tidak satu pun dapat menandingi ketinggian al-Quran. Menurut qari muda yang ditemu bual, beliau menyatakan:

“Yang kedua tu motivasi tu mungkin dari al-Quran itu sendiri walaupun kita tak ada pencapaian yang tinggi lah dalam bidang al-Quran tapi saya kira ilmu al-Quran itu sendiri penting untuk diri saya. Walaupun kita tak.. kita tak menyertai pertandingan. Tapi ilmu tu memang sangat baguslah sangat membantu kita sebab tak semua orang berpeluang untuk belajar al-Quran. Bagi saya rugilah kalau saya tak teruskan dalam bidang Quran ni”.

(QM, 2020)

Perkara ini juga disebutkan dalam al-Quran yang menerangkan tentang al-Quran itu adalah mukjizat dimana Allah berfirman dalam al-Quran (al-Isra', 17: 88) yang membawa maksud sekalian manusia dan jin tidak akan mampu mendatangkan sesuatu yang seumpama dengan al-Quran jika mereka berkumpul dan saling membantu sekalipun. Selain itu, terdapat dalam hadith sahih (al-Bukhariyy, 2001: 5027) yang membicarakan tentang kelebihan al-Quran, iaitu menjadikan pembacanya adalah sebaik-baik ummat.

Elemen seterusnya dalam membina motivasi pembelajaran taranum dalam kalangan qari muda adalah sentiasa belajar dimana setiap perkara dalam dunia ini mempunyai hikmah dan pengajaran samada tersurat mahupun tersirat. Elemen sentiasa belajar ini boleh dilihat dari aspek cabaran masa. Pernyataan ini dapat dilihat melalui kata-kata qari muda:

“Bilamana saya melibatkan diri dalam Tilawah ni memang ada cabaran antara cabarannya bila saya dah start masuk universiti.. Waktu saya semakin pack sebenarnya.. Untuk dalam waktu yang sama kita nak latih kelas taranum setiap hari kan contohnya.. jadi saya memang ada kekangan waktu.. Sebab saya sambil belajar. Untuk teruskan walaupun tidak kerap macam waktu sekolah dulu .. Tapi mesti juga nak ada pergi kelas”.

(QM, 2020)

Pernyataan ini sangat ditekankan dimana kalam ulama' dan mutiara kata daripada ahli hikmah yang mengatakana “tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad” dan juga pesanan daripada imam Al-Ghazali (2011) dalam menerangkan adab belajar yang perlu ada kepada setiap insan yang bergelar pelajar, iaitu sentiasa belajar dan menekuninya sehingga mencapai maksudnya. Perkara yang kita semua perlu ada dalam diri terutama kepada penuntut ilmu adalah sifat ingin menambah ilmu. Elemen yang seterusnya merupakan tambah ilmu lain dalam memotivasikan diri dalam pembelajaran taranum dimana pernyataan ini diambil daripada kata-kata:

“Sebenarnya bila kita belajar taranum ni kan. Banyak lagi ilmu-ilmu lain yang kita belajar seperti tajwid Ilmu ayat-ayat al-quran macam tu lah kan. Jadi saya rasa perkara tu sangat membantu. Walaupun kita tak.. kita tak menyertai pertandingan. Tapi ilmu tu memang sangat baguslah sangat membantu kita sebab tak semua orang berpeluang untuk belajar Quran. Bagi saya rugilah kalau saya tak teruskan dalam bidang Quran ni” dan “Tapi mungkin sesuatu yang boleh saya buktikan adalah walaupun saya dalam profesion yang lain walaupun saya bukan dalam bidang agama ataupun betul-betul khusus dalam bidang al-Quran. Tapi dalam waktu yang sama saya masih boleh.. boleh mendalami ilmu al-Quran itu sendiri”.

(QM, 2020)

Penuntut ilmu haruslah mempunyai sifat ingin menambah ilmu sebagai memotivasikan diri dalam pembelajaran. Berdasarkan Arifonang (2008), rasa ingin tahu dalam sesuatu akan menarik perhatian pelajar dan menjadi pendorong dalam melakukan sesuatu. Akhir sekali, elemen yang terdapat dalam tema motivasi intrinsik merupakan suka berkongsi. Perkongsian ini boleh dilakukan di pelbagai platform seperti media sosial yang melibatkan ramai daripada kalangan masyarakat muda. Hal ini jelas dimana pernyataan yang diambil dari kata-kata qari muda:

“dan untuk saya kongsi kepada orang-orang di sekeliling saya. Sekarang saya ada juga mengajar kelas online. Bawah ‘I love Quran Tahfiz Center’ dekat Kuala Lumpur. Tapi waktu sekarang saya mengajar online sajalah. Dari ilmu-ilmu taranum dan ilmu yang saya dah dapat dari dulu tu lah Saya kongsi kepada mereka. Walaupun tak semestinya ilmu taranum la dari segi tajwid dan fasahah juga. Ada juga budak-budak yang masih sekolah yang tahu. Sebab saya ada juga post video saya berlatih dekat Instagram. jadi dia orang pun dah ramai yang berminat tapi dia orang tak tahu.. tak tahu.. Kat mana tempat yang sesuai untuk mereka belajar. Jadi macam setiap perkongsian tu saya semata-mata untuk kongsi sajalah ilmu tu.. Untuk orang di luar sana kan”

(QM, 2020)

Dan: *“Sebab dekat dalam ni dia tak ramai.. sebab qari qari lama susah nak cari video dekat Instagram contohnya kan.. Jadi itu antara cara jugalah alternatif bagi kita untuk tarik orang-orang muda terutamanya untuk menyertai bacaan al-Quran”.*

(QM, 2020)

Perkongsian yang dilakukan merupakan amalan yang mulia serta beroleh pahala disisi Allah dimana dapat menarik ramai orang dalam kalangan anak muda mengenali tentang ilmu taranum. Pernyataan ini disokong oleh hadith (Al-Bukhari, 2001: 3461) yang bermaksud sampaikan daripadaku walaupun sepotong ayat. Hadith ini jelas bermaksud menyampaikan ilmu itu adalah suatu tuntutan kepada kita semua, iaitu berkongsi tentang apa yang kita tahu yang merupakan kriteria yang pertama dalam menyampaikan ilmu, iaitu mempunyai ilmu. Selain itu, tema seterusnya motivasi pembelajaran taranum dalam kalangan qari muda adalah tema motivasi ekstrinsik. Tema ini terdapat empat elemen, iaitu contoh mencontohi, iaitu individu menjadi contoh kepada individu lain serta mencontohi yang lain. Pernyataan ini disokong oleh guru quran bahawa, *“Saya rasa ada, salah seorang idola dia Hajah Suraya.. Sebab dari kecil mak ayah dia pernah bawa berguru kan”* dan pernyataan dari qari muda:

“Kalau macam dekat Instagram tu adalah beberapa orang. Ada juga budak-budak yang masih sekolah yang tahu.. Sebab saya ada juga post video saya berlatih dekat Instagram. jadi dia orang pun dah ramai yang berminat tapi dia orang tak tahu. Ramai yang bagi komen-komen yang positif la. Banyak macam budak-budak sekolah yang teringin nak belajar.. Mereka mungkin susah atau mereka mungkin tak tahu nak cari mana guru kan”.

(QM, 2020)

Menjadi contoh dan mencontohi orang lain merupakan perkara yang harus ada dalam diri setiap manusia sepertimana para sahabat sehingga ke zaman kita perlu mencontohi Nabi kita. Menurut Jaffar (2013), kita semua perlu merujuk dan mencontohi ajaran-ajaran yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W yang merupakan pemimpin agung seluruh umat manusia.

Berikutnya, persaingan sihat juga membantu dalam motivasi pembelajaran taranum dalam kalangan qari muda. Menurut Othman (2015), persaingan yang sihat menjadi satu motivasi dalam pembelajaran dimana keinginan bersaing untuk menjadi yang terbaik serta mampu menyumbangkan kesejahteraan kepada orang lain. Selain itu, persaingan yang sihat adalah motivasi ekstrinsik yang membawa kepada ketekalan pelajar dalam sesuatu tindakan. Guru quran yang ditemui menyatakan:

“mungkin juga kawan-kawan eah. kawan-kawan dia yang sokong untuk terus istiqomah dalam al-quran ni. sebab nak cari anak-anak muda yang istiqomah dalam bidang ni bukan mudah. jadi saya ingat rakan baik pun salah satu jugalah. yang buat dia terus dalam bidang ni. Sebab untuk pengetahuan juga kawan baik Amirah ni adalah anak saya juga. dan mereka ni selalu bersaing dari kecil-kecil bersaing dalam Tilawah. dulu Amirah sekolah lain anak saya sekolah lain. Mereka ni selalu bertembung. dia berkawan baik tapi dalam masa yang sama dia bersaing dalam Tilawah. yang pastinya Amira lah yang menang (ketawa). sebab kelebihan dia tu kan. saya rasa itu motivasi dia”.

(GQ, 2020)

Seterusnya pewarisan ilmu merupakan elemen yang penting dalam meneruskan sesuatu perkara amnya dan dalam pembelajaran taranum khususnya. Pernyataan ini dirakamkan sendiri oleh guru quran yang menyebut:

“Amira tahu tanggungjawab dia tu sebagai pengganti saya. Saya rasa dia faham. Sebab dari kecil kita dah cakap dengan dia kan. besok awak dah besar ganti tempat

ustazah eh. Sebab dah cakap dari kecil kan, dan saya pun dah bawa dia ke tengah. Saya rasa dia dah faham dan dia tak adalah macam menolak atau dia rasa berat”.

(GQ, 2020)

Sebagaimana mana ilmu-ilmu yang lain dalam agama dimana pewarisan ilmu itu adalah merupakan perkara yang dilakukan daripada dahulu sehingga sekarang seperti mana menurut (al-Bayhaqiyy, 2003) syarah pada hadith yang bermaksud ulama itu pewaris para nabi didalam menerangkan bab ilmu. Hal ini menyatakan bahawa pewarisan ilmu itu amat penting bagi memastikan ilmu itu tidak hilang dan berkekalan sampai bila-bila.

Akhir sekali dalam dapatan rintis yang dijalankan ke atas tema motivasi ekstrinsik, pengkaji mendapati bahawa ciri motivasi pembelajaran taranum dalam kalangan qari muda berkait rapat dengan sokongan keluarga, guru dan rakan. Pernyataan ini disokong oleh Abd Aziz & Salamuddin (2018) bahawa sokongan dan dorongan keluarga merupakan faktor penting dalam meningkatkan motivasi selain daripada hubungan interpersonal dengan rakan-rakan. Pernyataan ini dirakamkan sendiri oleh qari muda yang menyebut:

“Jadi sebenarnya orang-orang yang terlibat yang mendorong saya untuk terus belajar ialah Pertama sekali keluarga saya lah ibu bapa saya.. Ibu bapa saya.. sejak saya masuk pertandingan tu mereka memang banyak bagi sokongan penuh.. Mereka hadir setiap kali pertandingan.. Mereka sediakan apa yang patut semua.. Yang keduanya guru sayalah.. Jadi guru saya ni adalah orang yang sangat membantu dan orang yang memberi sokongan sebab ada guru yang saya belajar dari sekolah rendah pun masih lagi bagi semangat masih lagi bagi sokongan.. Sampai sekarang walaupun saya dah habis sekolah.. Untuk saya sentiasa Latih taranum ni”.

(QM, 2020)


Dan juga pernyataan yang dirakam oleh guru quran yang menyebut:

“Rasanya antara penyebabnya tu dia dapat sokongan dari ramai orang, orang sekeliling dia..., guru-guru dia..., ada orang yang bawa dia... Sebab bagi saya budak-budak yang macam ni mesti ada orang yang bimbing..., orang yang bawa dia ke tengah, kalau dibiarkan nanti takut dia lain lah. Sebab saya dah banyak anak murid saya daripada kecil macam Amirah juga..., tapi bila dia dah berhijrah macam belajar di tempat lain..., ataupun dia bekerja di tempat lain..., dan kita tak dapat nak contact dia, lama-lama memang dia tinggal... dia tinggal benda tu kemahiran yang dia ada... Okey tentang motivasi ni, mungkin dia dapat dari keluarga lah, ibu ayah dia seorang yang mencintai ilmu lah, sebab ibu ayah dia pun orang yang berpelajaran... Jadi dia nak anak dia jadi orang yang lebih baiklah maksudnya kan, saya rasa puncanya dari situ.. Kalau dapat tahu Amirah menang apa-apa jadi kawan-kawan baik ni akan bagi sokongan... Tahniah.. yang tu saya tahulah sebab sahabat dia anak saya sendiri... mungkin itu antara yang sentiasa memotivasikan si Amirah ni”.


(GQ, 2020)

IMPLIKASI DAN CADANGAN

Hasil daripada dapatan kajian, pengkaji telah menghasilkan model-model Motivasi Pembelajaran Taranum QM, iaitu Model Elemen Motivasi Intrinsik dan Model Elemen Motivasi Ekstrinsik. Model ini digambarkan sebagaimana dalam Rajah 1 dan Rajah 2.



Rajah 1: Model Motivasi Intrinsik Pembelajaran Taranum Qari Muda



Rajah 2: Model Motivasi Ekstrinsik Pembelajaran Taranum Qari Muda

RUMUSAN

Berdasarkan kajian rintis ini, pengkaji telah membincangkan objektif, metodologi kajian, dapatan kajian serta perbincangan kajian kes ciri motivasi pembelajaran taranum dalam kalangan qari muda di Johor. Hasil dapatan kajian berjaya menghasilkan Model Motivasi Pembelajaran Taranum yang terdapat dalam implikasi kajian ini. Justeru, para qari muda perlu mengambil perhatian agar sentiasa mempunyai motivasi melalui elemen-elemen yang dibincangkan supaya tidak berlaku ketandusan dalam bidang ilmu taranum ini.

RUJUKAN

Buku

- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- al-Bayhaqiyy, Ahmad. 2003. *Sha'b al-Iman*. 'Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid (Ed). Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi', Vol. 1-14.
- Brophy, Jere E. 2013. *Motivating students to learn*: Routledge.

- al-Bukhariyy, Abu 'Abdullah Muhammad. 2001. *al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi - Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed) Mansurah: Dar Tuq al-Najat, Vol. 1-9.
- Creswell, John W. 2012. *Educational Research: planning, Conducting, and Evaluating*: Pearson
- Gary, T. 2009. *How to do your research project. A Guide for Students in Education and Applied Social Sciences*: Sage.
- al-Ghazaliyy, Abi Hamid Muhammad. 2011. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Ismail, Nik Ja'far Nik. 2012. *Qawaid al-tarannum: Cara berlagu*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Mok, Soon Sang. 2010. *Psikologi pendidikan untuk pengajaran & pembelajaran*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Palaniappan, Ananda Kumar. 2009. *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*: Pearson Malaysia.
- Schunk, Dale H, Meece, Judith R, & Pintrich, Paul R. 2012. *Motivation in education: Theory, research, and applications*. Pearson Higher Ed.
- Tawi, Faizal Mohamad Twon. 2019. *Motivasi Pencetus Kejayaan Akademik Pelajar*: PSP's Publication.

Jurnal

- Abd Aziz, Zul Fadhli, & Salamuddin, Norlena. 2018. *Motivasi Intrinsik dan Ektrinsik yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar UKM untuk Melakukan Aktiviti Fizikal*. Politeknik & Kolej Komuniti, Journal of Social Sciences and Humanities, 3(1): 36-48.
- Aritonang, Keke T. 2008. *Minat dan motivasi dalam meningkatkan hasil belajar siswa*. Jurnal Pendidikan Penabur, 7(10): 11-21.
- Aziz, Siti Fardaniah Abdul. 2018. *Bagaimana Organisasi boleh Memotivasikan Pekerja untuk Belajar dalam Latihan: Persepsi Ahli Akademik (How Organisation can Motivate Employees to Learn during Training: Perceptions of Academics)*. AKADEMIKA, 88(2).
- Chan, Siok Gim, & Nor, Rodziah Mohamad. 2012. *Kecerdasan emosi dan hubungannya dengan perilaku dan prestasi akademik pelajar Sekolah Menengah di Bachok, Kelantan (Emotional intelligence and its relationship with behaviour and academic performance of secondary school students in Bachok, Kelantan)*. AKADEMIKA, 82(2).
- Colquitt, Jason A, LePine, Jeffrey A, & Noe, Raymond A. 2000. *Toward an integrative theory of training motivation: a meta-analytic path analysis of 20 years of research*. Journal Of Applied Psychology, 85(5): 678.
- Dörnyei, Zoltán. 2001. *New themes and approaches in second language motivation research*. Annual review of applied linguistics, 21(1): 43.
- Huseinali, Ghassan. 2006. *Who is studying Arabic and why? A survey of Arabic students' orientations at a major university*. Foreign Language Annals, 39(3): 395-412.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Tamuri, Ab Halim, & Hamzah, Mohd Izham Mohd. 2009. *Sifat Dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Dan Hubungannya Dengan Motivasi Pelajar*. Sains Humanika, 51(1).
- Kasim, Tengku Sarina Aini Tengku, & Mansor, Fadillah. 2007. *Keperluan motivasi dalam pengurusan kerja berkualiti dari perspektif pemikiran Islam*. Jurnal Usuluddin, 25: 103-124.
- Lynch, Douglas J. 2006. *Motivational factors, learning strategies and resource management as predictors of course grades*. College Student Journal, 40(2): 423-429.
- Medina, Michele N. 2016. *Conflict, individual satisfaction with team, and training motivation*. Team Performance Management. 22(3/4): 223-239. <https://doi.org/10.1108/TPM-10-2015-0047>
- Mohamad Salleh, Muhamad Nasir, Ariffin, Sedek, & Yusoff, Zulkifli Mohd. 2017. *Mastering of Tarannum al-Quran: An Analysis on Participants of al-Quran Reciting Competition in Klang and Sepang Secondary School*. QURANICA - International Journal of Quranic Research, 9(1): 67-92. <https://doi.org/10.22452/quranica.vol9no1.4>
- Othman, Norasmah, Khasbullah, Khairul Khairiyah, & Ab Wahid, Hariyaty. 2015. *Tahap Daya Saing Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Semenanjung Malaysia (The Competitiveness Level of Higher Education Institution Students in Peninsular*

Malaysia). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 40(2): 139-149.

Salleh, Muhamad Nasir Mohamad, Hussin, Zaharah, & Mohamed, Mohd Faisal. 2020. *Analisis Keperluan Pembangunan Model Pengajaran Taranum Al-Quran: Satu Kajian Penerokaan*. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(3): 27-38.

Yusri, Ghazali. 2010. *Kebimbangan ujian dan motivasi dalam kalangan pelajar kursus bahasa Arab dalam konteks kemahiran lisan*. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)*, 2(2): 46-58.

Tesis & Disertasi

Jaffar, Md Mohiden bin Mohd. 2013. *Pengamalan Ciri-Ciri Kepimpinan Rasulullah Dalam Kalangan Guru Besar*. Tesis Sarjana. Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran), Universiti Teknologi Malaysia.

Seminar & Prosiding

Jasmi, Kamarul Azmi, & Salleh, Norhafizah. 2013. *Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan Guru di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes*. Paper presented at the 3rd International Conference on Islamic Education 2013 [ICIED2013], 6 - 7 April 2013, EPF Institute, Kajang, Selangor, Malaysia.

Matsumoto, Masanori. 2009. *Second language learners' motivation and their perceptions of teachers' motivation*. Paper Presented At The International Conference On Teaching And Learning In Higher Education.

Mohamed, Nik Shahrul Nizan, Nawawi, Noor Fadhlina, & Jasmi, Kamarul Azmi. *Kesedaran Motivasi Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Dlm: Seminar Antarabangsa Education, Law, Civilization, Sains & Teknologi dalam Konsep dan Aplikasi (Elcist 2014), 26 Nov, 2014, Skudai, Johor.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.